

Dalam Negeri

Skop peluang kerja STEM kecil

Oleh AHMAD
FADHLULLAH ADNAN
fadhlullah.adnan@mediamulia.com.my

PETALING JAYA: Hanya 49,887 atau 24.7 peratus tawaran kerja dalam bidang Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM) daripada 202,102 kekosongan jawatan, iaitu antara yang terendah menyebabkan bidang berkenaan kurang mendapat sambutan pelajar.

Laporan Landskap Penawaran Pekerjaan di Malaysia Suku Kedua 2022 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Ogos lalu menunjukkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) merekodkan tawaran kekosongan pekerjaan tertinggi dengan 140,104 kekosongan.

Ia merangkumi aspek perindustrian dan pengeluaran, keusahawanan, teknologi bahan, fesyen dan pakaian, kecantikan, kulinari serta pertanian.

Senarai pekerjaan kritikal pula mencatatkan 101,423 kekosongan antaranya akauntan dan juruaudit, profesional pengiklanan dan



Walaupun kita berjaya pupuk minat dari sekolah menengah sehingga ke institusi pengajian tinggi, dengan bidang STEM yang agak sukar dan (pengaruh) faktor peluang pekerjaan, (boleh) menyebabkan masalah keciciran pelajar (dalam bidang itu)."

DR. ROSMAMALMI MAT NAWI

Mat Nawi berkata, peluang pekerjaan yang tidak terjamin dilihat

neruskan pengajian dalam bidang berkenaan terutamanya di peringkat tertinggi.

"Kebanyakan pelajar bidang STEM, walaupun sudah habiskan peringkat tertinggi tetapi tak banyak yang dapat (pekerjaan) apabila mahu mohon pekerjaan dalam bidang itu.

"Walaupun kita berjaya pupuk minat dari sekolah menengah sehingga ke institusi pengajian tinggi, dengan bidang STEM yang agak sukar dan (pengaruh) faktor peluang pekerjaan, (boleh) menyebabkan masalah keciciran pelajar (dalam bidang itu).

"Sebab itu kita dapat lihat ramai berpendidikan tinggi tak dapat peluang pekerjaan dan terpaksa pergi bidang lain di luar," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia*, semalam.

Selasa lalu, media melaporkan, kerajaan akan bertindak menangani isu kekurangan bilangan pelajar dalam bidang STEM di Malaysia.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan sentiasa berusaha memperkasa bi-

kepada usaha tersebut dan melaksanakan pelbagai inisiatif serta program bagi memupuk minat pelajar dalam bidang STEM bermula dari sekolah rendah.

Justeru Rosmamalmi berkata, usaha kini terletak kepada kerajaan untuk meluaskan peluang pekerjaan supaya kepakaran mereka tidak menjadi satu keruagan.

"Kita ada genius tetapi tak dapat teruskan sebab kurang berkemampuan. Walaupun ada program, tetapi kalau tak ada usaha perkenalkan mungkin mereka tercicir juga, ujarnya.

Sementara itu, bekas Ketua Pengarah Pendidikan, Datuk Dr. Amin Senin berkata, kerajaan perlu memberi sokongan yang penuh kepada mana-mana program yang dicadangkan terutama oleh *National STEM Movement* sebelum ini.

Katanya, sokongan sama ada berbentuk kewangan mahupun kajian perlu diperkukuh dalam usaha meningkatkan lagi jumlah pelajar dalam bidang berkenaan.

"Jadi perlu perkukuh program-